

# Kawasan Masjidil Haram dibahagi ikut zon berkod

Arab Saudi dalam usaha lancarkan akses jemaah, pekerja

**Jeddah:** Kerajaan Arab Saudi bercadang membahagikan beberapa kawasan Masjidil Haram di Makkah kepada zon berkod bagi memudahkan dan melancarkan akses kepada jemaah dan pekerja.


Pihak-Berkuasa Am bagi Penjaan Hal Ehwal Masjidil Haram dan Masjid Nabawi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) berhubung perkara itu dengan Syarikat Perkhidmatan Pos dan Logistik Saudi (SPL).

Majlis menandatangani perjanjian itu diadakan di luar Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Haji dan Umrah 2024.

Di bawah MoU berkenaan, SPL akan menjalankan kajian bagi membahagikan kawasan Masjidil Haram kepada zon berkod untuk menentukan lokasi geografi dengan tepat bagi membimbing jemaah dan pekerja di masjid.

Perjanjian itu juga bertujuan mengukur prestasi dan penga-gihan kakitangan yang bekerja

Seramai 13.55 juta jemaah luar menunaikan umrah pada 2023 yang menunjukkan peningkatan 58 peratus. (Foto REUTERS)



berdasarkan kapasiti penginapan dan operasi, selain memastikan standard tertinggi perkhidmatan dapat disediakan di tempat suci umat Islam.

Masjidil Haram menyaksikan jumlah jemaah umrah tertinggi dalam sejarahnya sepanjang tempoh tahun lalu.

## Angka jemaah bertambah

Menteri Haji dan Umrah, Dr Tawfiq Al-Rabiah, baru-baru ini berkata seramai 13.55 juta

jemaah luar menunaikan umrah pada 2023.

Angka itu menunjukkan peningkatan 58 peratus, dengan jumlah jemaah lebih lima juta berbanding tahun sebelumnya.

“Saya gembira untuk berkongsi beberapa berita baik dan belum pernah berlaku sebelum ini. Jumlah tertinggi jemaah dari luar pada 2019 ialah 8.5 juta.

“Tahun ini dan berdasarkan kemudahan yang diperkenalkan oleh kepimpinan Arab

Saudi, jumlah itu meningkat kepada 13.55 juta jemaah umrah,” katanya pada sesi pembukaan Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Haji dan Umrah, yang bermula di Jeddah pada 8 Januari lalu.

Kerajaan Saudi berminat untuk memastikan pengaturan dan kemudahan terperinci bagi membolehkan jemaah haji dan umrah melaksanakan ibadah mereka dengan mudah dan selesa. AGENSI